



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGARUH KEBERGANTUNGAN GOLONGAN BELIA TERHADAP
MEDIA SOSIAL BAGI TUJUAN POLITIK, PENGETAHUAN POLITIK DAN
PERUBAHAN BUDAYA POLITIK DI DUN KAJANG, SELANGOR,
MALAYSIA***

MOHD EZRIL MOHD

FEM 2018 12



**PENGARUH KEBERGANTUNGAN GOLONGAN BELIA TERHADAP
MEDIA SOSIAL BAGI TUJUAN POLITIK, PENGETAHUAN POLITIK
DAN PERUBAHAN BUDAYA POLITIK DI DUN KAJANG, SELANGOR,
MALAYSIA**

Oleh

MOHD EZRIL MOHD

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

November 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENGARUH KEBERGANTUNGAN GOLONGAN BELIA TERHADAP
MEDIA SOSIAL BAGI TUJUAN POLITIK, PENGETAHUAN POLITIK
DAN PERUBAHAN BUDAYA POLITIK DI DUN KAJANG, SELANGOR,
MALAYSIA**

Oleh

MOHD EZRIL MOHD

November 2017

Pengerusi : Ku Hasnita Ku Samsu, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Kajian ini membincangkan sejauh mana tahap kebergantungan golongan belia kepada media sosial bagi tujuan sosialisasi politik mempengaruhi perubahan budaya politik Malaysia. Kempen politik melalui internet telah dapat dilihat semenjak Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU-12) apabila dikatakan telah mempengaruhi pengundi sehingga membawa kepada kegagalan parti Barisan Nasional (BN) untuk mengekalkan majoriti dua pertiga kerusi parlimen. Perkembangan ini juga telah dikaitkan dengan sikap sinis golongan belia itu sendiri terhadap pihak kerajaan pusat disebabkan kebergantungan yang tinggi terhadap maklumat politik di media sosial yang dipercayai dikuasai oleh pro-pembangkang. Sehubungan itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan di antara tahap kebergantungan kepada media sosial bagi tujuan sosialisasi politik dengan pengetahuan politik dan perubahan budaya politik di kalangan belia bandar; dalam masa yang sama menganalisis secara terperinci apakah faktor demografi yang mungkin mempengaruhinya. Kaedah persampelan rawak kluster telah diguna pakai yang melibatkan 799 orang responden di DUN Kajang. Perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS v23) pula telah digunakan bagi menganalisis dapatan kajian secara deskriptif melalui analisis kekerapan, peratusan dan skor min. Manakala analisis inferensi seperti korelasi *Pearson*, regresi linear dan ANOVA sehala telah diaplikasi bagi menentukan perbezaan dan mengenal pasti hubungan di antara pemboleh ubah. Secara keseluruhannya, keputusan menunjukkan bahawa kebergantungan belia terhadap media sosial bagi tujuan sosialisasi politik mempunyai hubungan yang negatif, namun lemah dan tidak signifikan dengan pengetahuan politik dan perubahan budaya politik konservatif. Walau bagaimanapun, pengetahuan politik dan perubahan budaya politik ini secara signifikan dipengaruhi oleh faktor etnik. Pemboleh ubah seperti tahap kebergantungan kepada media sosial bagi tujuan sosialisasi politik dan

pengetahuan politik serta perubahan budaya politik adalah saling berhubung di antara satu sama lain. Justeru, langkah yang seterusnya bagi kajian pada masa hadapan adalah bagi melakukan analisis perbandingan terhadap kesan kebergantungan di media sosial bagi tujuan politik ini di kalangan belia bandar dan luar bandar, agar generalisasi yang lebih tepat dapat diperolehi.

Kata kunci: Belia, kebergantungan, media sosial, sosialisasi politik, perubahan budaya politik, pereputan politik, pengetahuan politik



Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in
fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**THE INFLUENCE OF YOUTH DEPENDENCY ON SOCIAL MEDIA FOR
POLITICAL PURPOSES, POLITICAL KNOWLEDGE AND POLITICAL
CULTURE CHANGE IN DUN KAJANG, SELANGOR, MALAYSIA**

By

MOHD EZRIL MOHD

November 2017

Chairman : Ku Hasnita Ku Samsu, PhD
Faculty : Human Ecology

This research paper discusses the influence of political socialization dependency in social media, especially among the youth that may cause changes in Malaysian political culture. The internet political campaigns can be seen since the 12th general election (PRU-12) when it managed to influence the voters and led to the failure of the Barisan Nasional (BN) to retain their over 50 years of majority of two-thirds of parliamentary seats. This development has been linked to the cynical attitude taken by the youth towards the Federal Government due to their over-dependence to political information in social media which is believed to be dominated by the pro-opposition. Thus, the main objective of the study is to examine the relationship between political socialization dependency in social media, political knowledge and political culture change among the urban youth; while analysing in detail which demographic factors that may influence it. Cluster random sampling method was used involving 799 respondents in Kajang and Klang Valley. Statistical Package for Social Science (SPSS v23) has been used for descriptive statistics analysis such as frequency, percentage and mean score, along with Pearson correlation, linear regression and ANOVA analysis particularly in determining differences and identifying relationship between the variables. In general, the findings show that youth political dependency in social media for political purposes has negative, but weak and statistically non-significant relationship with political knowledge and political culture change. However, ethnic factor has been proven to significantly influence the political knowledge and political culture change. Variables such as political socialization dependency in social media, political knowledge and political culture change are basically correlated to each other. Hence, the next step for future research is to further compare the effects of political socialization dependency in social media among the urban and rural youths, so that accurate generalisation can be deduced.

Keywords: Youth, dependency, social media, political socialization, political culture change, political decay, political knowledge



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Segala pujian dan kesyukuran kepada Allah S.W.T., Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga dan para sahabatnya. Setinggi-tinggi syukur di atas limpah kurniaan nikmatNya dan atas kemudahan urusan yang diberikan, akhirnya selesai sudah tesis kajian yang bertajuk “Pengaruh Kebergantungan Golongan Belia Kepada Media Sosial Bagi Tujuan Politik Terhadap Pengetahuan Politik Dan Perubahan Budaya Politik Di Dun Kajang, Selangor”.

Setinggi kasih dan penghargaan buat isteri dan anak-anak yang tidak putus asa memberikan sokongan dan pengorbanan, selain membantu menjadikan tesis ini untuk lebih sempurna. Tidak lupa juga kepada ibu, Hajah Noriah Binti Abas, yang tidak pernah putus untuk berdoa dan memberikan kata-kata dorongan yang tidak berbelah bahagi dalam memastikan anak sulungnya berjaya melengkapkan amanah yang diberi. Sudah pasti juga allahyarham ayahanda tercinta mahukan perkara yang sama untuk anakandanya walaupun beliau tidak lagi berpeluang untuk menyaksikannya. Al Fatihah. Tidak dilupakan juga sokongan yang diberikan oleh adik-beradik dan ahli keluarga terdekat yang banyak membantu untuk membakar semangat untuk terus tidak mengalah.

Setulus penghargaan juga didedikasikan buat penyelia, Dr. Ku Hasnita Ku Samsu dan Prof. Madya Dr. Nobaya Ahmad atas bimbingan rapat, perkongsian ilmu, pengorbanan masa dan tenaga serta sokongan moral yang telah diberikan sepanjang dua tahun lalu. Tidak dilupakan juga jasa baik Prof. Madya Dr. Tarmizi Talib dan Prof. Dr. Ahmad Hariza Hashim dalam tunjuk ajar dan bantuan dalam melancarkan proses fasa awal bagi penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga kepada semua pensyarah yang pernah turut membantu dengan seikhlas hati dalam menambah baik tesis ini.

Penghargaan istimewa juga buat teman-teman seperjuangan, terutamanya dari Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga para pembantu penyelidik di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia atas sokongan, perkongsian ilmu dan maklumat yang banyak membantu dalam proses melengkapkan tesis.

Setinggi-tinggi penghargaan turut dirakam buat teman-teman yang turut bertungkus-lumus bagi memastikan kejayaan proses pelaksanaan survey serta semua responden yang telah memberikan kerjasama yang sebaik mungkin.

Setinggi-tinggi penghargaan yang disertakan dengan ucapan jutaan terima kasih diucapkan buat Jabatan Perkhidmatan Awam, Pejabat Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Pejabat Menteri Wilayah Persekutuan dan pihak pengurusan Geran Putra UPM yang memberikan peluang dan sokongan dalam bentuk bantuan kewangan serta penajaan yang amat penting bagi memastikan semua fasa kajian dapat dilengkapi dengan jayanya.

Sesungguhnya tiada kata yang dapat menggambarkan rasa syukur dan terima kasih yang ikhlas dari hati ini. Hanya doa yang mampu dipanjatkan agar segala pengorbanan dan bantuan yang tersebut dibalas dengan ganjaran yang sewajarnya oleh Allah S.W.T. baik di dunia, mahupun di akhirat kelak.



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ku Hasnita Binti Ku Samsu, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nobaya Binti Ahmad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

Nama dan Nombor Matrik: Mohd Ezril Bin Mohd, GS 43494

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama
Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr. Ku Hasnita Ku Samsu

Tandatangan : _____
Nama
Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Nobaya Ahmad

JADUAL KANDUNGAN

	Page
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Hipotesis Kajian	8
1.7 Definisi Istilah	9
1.7.1 Kebergantungan Terhadap Media Sosial Bagi Tujuan Politik	9
1.7.2 Sosialisasi Politik	10
1.7.3 Media Sosial	10
1.7.4 Pengetahuan Politik	10
1.7.5 Pendapat Politik	11
1.7.6 Perubahan Budaya Politik	11
1.8 Kepentingan Kajian	11
1.9 Skop dan Limitasi Kajian	13
1.10 Organisasi Kajian	15
1.11 Rumusan	15
 2 TINJAUAN LITERATUR	 16
2.1 Pengenalan	16
2.2 Kesan Media Sosial Terhadap Budaya Politik Konservatif	16
2.3 Perubahan Budaya Politik	19
2.3.1 Impak ‘Letusan’ Media Sosial Terhadap Budaya Politik di Malaysia	22
2.4 Pembentukan Pendapat Politik di Media Sosial Melalui Pengetahuan Politik	25
2.5 Risiko Kebergantungan Yang Tinggi Terhadap Media Sosial Bagi Tujuan Sosialisasi Politik	27
2.6 Kerangka Teori	30

2.7	Kerangka Kajian	34
2.8	Rumusan	35
3	METODOLOGI KAJIAN	36
3.1	Pengenalan	36
3.2	Rekabentuk Kajian	36
3.3	Persampelan	36
3.4	Lokasi Kajian	39
3.5	Instrumen dan Pengukuran	39
3.5.1	Pembahagian dan Pengukuran Instrumen	40
3.5.2	Pengukuran Pengaruh Faktor Demografi Belia ke atas Tahap Kebergantungan kepada Media Sosial Bagi Tujuan Politik, Pengetahuan Politik dan Perubahan Budaya Politik	46
3.6	Proses pengumpulan data	46
3.7	Kajian Rintis	47
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	47
3.9	Analisis Data Penyelidikan	50
3.9.1	Analisis Deskriptif	50
3.9.2	Ujian Regresi Linear	51
3.9.3	Ujian Korelasi Pearson (Analisis Bivariat)	53
3.9.4	Ujian ANOVA Sehalu	53
3.10	Rumusan	54
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	55
4.1	Pengenalan	55
4.2	Demografi Responden Kajian	55
4.2.1	Umur	57
4.2.2	Jantina	57
4.2.3	Etnik	58
4.2.4	Agama	58
4.2.5	Latar belakang pendidikan	58
4.2.6	Sektor Pekerjaan	59
4.2.7	Pendapatan	59
4.2.8	Status Perkahwinan	59
4.2.9	Status Pengundi Berdaftar	59
4.3	Tahap Kebergantungan Belia Di Media Sosial Bagi Tujuan Politik	60
4.3.1	Pengaruh keutamaan media sosial sebagai medium politik terhadap penggunaannya bagi tujuan politik	64
4.3.2	Pengaruh Faktor Demografi Ke atas Tahap Kebergantungan Belia Di Media Sosial Bagi Tujuan Politik	65
4.4	Tahap Pengetahuan Politik Golongan Belia Yang Bergantung Kepada Media Sosial Bagi Tujuan Politik	67
4.4.1	Hubungan Di Antara Tahap Kebergantungan Golongan Belia Di Media Sosial Bagi Tujuan Sosialisasi Politik Dengan Pengetahuan Politik	70

4.4.2	Pengaruh Faktor Demografi Terhadap Pengetahuan Politik Belia	71
4.5	Pengaruh Tahap Kebergantungan Golongan Belia Kepada Media Sosial Bagi Tujuan Sosialisasi Politik Terhadap Perubahan Budaya Politik di DUN Kajang	73
4.5.1	Hubungan Di antara Tahap Kebergantungan Terhadap Media Sosial Bagi Tujuan Sosialisasi Politik Dengan Perubahan Budaya Politik	77
4.5.2	Pengaruh Faktor Demografi Ke Atas Perubahan Budaya Politik Belia	78
4.6	Rumusan	81
5	RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	85
5.1	Pengenalan	85
5.2	Rumusan	85
5.3	Implikasi Kajian	89
5.4	Cadangan	92
	RUJUKAN	95
	LAMPIRAN	108
	BIODATA PELAJAR	132

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Keputusan Pilihanraya DUN Kajang 1954-2015	3
2 Data kajian Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2015)	32
3 Skala Pengukuran Kebergantungan Terhadap Media Sosial Bagi Tujuan Sosialisasi Politik	41
4 Skala Pengukuran Tahap Pengetahuan Politik di Media Sosial	43
5 Skala Pengukuran Budaya Politik	45
6 Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Soal Selidik	49
7 Demografi Responden	57
8 Tahap Kebergantungan dan Jenis Media Yang Digunakan Bagi Tujuan Sosialisasi Politik	60
9 Tujuan Penggunaan Media Sosial	61
10 Jenis Aplikasi Media Sosial Bagi Tujuan Politik	62
11 Anggaran Masa Yang Dhabiskan Bagi Tujuan Sosialisasi Politik Dan Tingkat Kepercayaan Terhadap Maklumat Politik Di Media Sosial	63
12 Analisis Korelasi Pearson Dan Regresi Linear Untuk Menentukan Pengaruh Keutamaan Media Sosial Sebagai Medium Politik Terhadap Penggunaannya Bagi Tujuan Sosialisasi Politik	64
13 Analisis Regresi Linear Bagi Menentukan Pengaruh Faktor Demografi Ke atas Tahap Kebergantungan Belia Di Media Sosial Bagi Tujuan Politik	66
14 Tahap Pengetahuan Politik Belia Yang Bergantung Kepada Media Sosial Bagi Tujuan Sosialisasi Politik	68
15 Nilai skor min keseluruhan bagi tahap pengetahuan politik belia	69
16 Hubungan Di Antara Tahap Kebergantungan Golongan Belia Kepada Media Sosial Bagi Tujuan Sosialisasi Politik Dengan Pengetahuan Politik	70

17	Analisis Regresi Linear Bagi Mengkaji Pengaruh Faktor Demografi Ke atas Pengetahuan Politik Belia	72
18	Skor Pengaruh Tahap Kebergantungan Kepada Media Sosial Bagi Tujuan Sosialisasi Politik Terhadap Perubahan Budaya Politik di DUN Kajang	74
19	Analisis Korelasi Pearson Bagi Menentukan Hubungan Di antara Tahap Kebergantungan Kepada Media Sosial Bagi Tujuan Sosialisasi Politik Dengan Perubahan Budaya Politik	77
20	Analisis Regresi Linear Bagi Mengkaji Pengaruh Faktor Demografi Ke Atas Perubahan Budaya Politik Belia	79
21	Perbezaan Tahap Pengetahuan Politik Dan Perubahan Budaya Politik Berdasarkan Faktor Etnik	80
22	Rumusan Analisis Kajian	81

SENARAI RAJAH

Jadual		Halaman
1	Teori Perubahan Budaya Politik oleh Barber, 1972; Kourvetaris, 1997; Kluver et al., 2007	33
2	Kerangka Kajian Bagi Pengaruh Kebergantungan Belia Kepada Media Sosial Bagi Tujuan Politik Terhadap Pengetahuan Politik Dan Perubahan Budaya Politik di DUN Kajang	34
3	Kesimpulan keseluruhan teknik persampelan	38
4	Skala konseptual pengukuran perubahan budaya politik	45
5	Hasil ujian perhubungan linear di antara pembolehubah	52
6	Carta pengukuran anjakan perubahan budaya politik belia	75

SENARAI SINGKATAN

UMNO	United Malays National Organisation
BN	Barisan Nasional
PAS	Pan Islamic Party of Malaysia
PKR	Parti Keadilan Rakyat
DAP	Democratic Action Party
PAN	Parti Amanah Negara
ISA	Internal Security Act
PRN	Pilihanraya Negeri
PRU	Pilihanraya Umum
CJ	Citizen Journalist
SPR	Suruhanjaya Pilihanraya
SPSS	Statistical Package For Social Science

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan mengenai latar belakang kajian dengan perbincangan khusus berkenaan permasalahan kajian, persoalan, objektif, hipotesis, kepentingan, limitasi dan juga rumusan. Selain itu, bab ini juga turut memberikan gambaran dan idea bagaimana media sosial memainkan peranan sebagai agen sosialisasi dan perubahan budaya politik sehingga mempengaruhi senario politik di Malaysia.

1.2 Latar Belakang Kajian

Y.A.B. Perdana Menteri mengakui bahawa Pilihanraya Umum ke-13 (PRU-13) yang lalu adalah pilihan raya media sosial pertama (*The Star*, 2013; Norshuhada Shiratuddin, Mohd Azizuddin Mohd Sani, Shahizan Hassan, Mohd Khairie Ahmad, Kartini Aboo Talib @ Khalid & Noor Sulastry Yurni Ahmad, 2016) di negara ini yang didominasi oleh golongan belia. Ini berikutan tumpuan kempen parti-parti politik ketika itu yang sangat sengit dilihat lebih menjurus ke arah media sosial atau siber. Menurut Gadi Wolfsfield, Elad Segev dan Tamir Sheafer (2013), kita tidak mampu untuk memahami peranan media sosial dalam bentuk tindakan kolektif tanpa mengambil kira persekitaran politik. Peningkatan ketara dalam penggunaan media baru juga lebih cenderung berlaku selepas peningkatan aktiviti protes politik, dan bukan sebaliknya (Wolfsfield et al., 2013). Malahan, trend penggunaan media sosial bagi tujuan kempen dan penyebaran propaganda ini juga tidak kelihatan terhenti setakat selepas PRU-13, bahkan dilihat semakin sebat di kalangan masyarakat, apabila sekurang-kurangnya 63.3% rakyat Malaysia di negara ini sentiasa terdedah kepada maklumat politik dan propaganda berterusan yang tidak disahkan melalui internet di telefon pintar mereka (US Census Bureau Globalwebindex, 2014; Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia [SKMM], 2015).

Secara ringkasnya, media sosial merujuk kepada sekumpulan aplikasi internet berasaskan teknologi Web 2.0 yang membenarkan penghasilan dan pertukaran kandungan yang dihasilkan oleh pengguna atau *User Generated Content* (UGC) (Kaplan & Haenlein, 2009). Medium ini telah menyaksikan peningkatan pengguna dari seluruh dunia secara mendadak terutamanya pada tahun 2008 (ComScore, 2008), dengan aplikasi Facebook menjadi aplikasi yang paling popular ketika itu. Sementara itu, *Whatsapp* dan *Facebook* pula adalah aplikasi media sosial telefon pintar paling popular di Malaysia pada tahun 2014, dengan statistik data pengguna dari *Facebook* sehingga suku kedua merekodkan seramai 10.4 juta pengguna aktif di Malaysia (Fatimah Akmal & Ali Salman, 2015 dan Norshuhada Shiratuddin et al., 2016). Kecenderungan golongan belia yang bergantung kepada media sosial

untuk mendapatkan berita dan maklumat politik yang pantas dan tidak bertapis (Jun-E Tan & Zawawi Ibrahim, 2008; Fatimah Akmal & Ali Salman, 2015 dan Norshuhada Shiratuddin et al., 2016) dipercayai mempunyai hubung kait yang positif dengan fenomena ‘letusan’ media sosial tersebut.

Fenomena ‘perperangan kempen politik’ melalui media siber ini bukanlah sesuatu yang baharu di negara ini. Tong Yee Siong (2004), mengaitkan penggunaan media baru bagi tujuan politik di Malaysia meningkat mulai tahun 1998 selepas kes pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari barisan kabinet dan parti UMNO walaupun hakikatnya rangkaian internet telah bermula di Malaysia seawal tahun 1995 lagi. Namun selepas tahun 1999, trend penggunaan media siber bagi tujuan politik telah menjadi agak mendatar sehinggalah momentumnya melonjak kembali sekitar tahun 2003 (Jun-E Tan & Zawawi Ibrahim, 2008).

Sama ada berkaitan atau tidak, peningkatan tersebut secara kebetulan berlaku sekitar tempoh pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada tahun 2004. Menurut Jun-E Tan dan Zawawi Ibrahim (2008) dan Hafni Zuhairi dan Muhamad Najmi (2015), punca medium blog menjadi pilihan ketika itu kerana medium tersebut bebas dari tapisan undang-undang, memberikan ruang kepada isu atau maklumat yang tidak mendapat perhatian melalui media arus perdana dan menggalakkan diskusi isu politik secara lebih interaktif. Hafni Zuhairi dan Muhamad Najmi (2015) selanjutnya membuat kesimpulan bahawa antara punca utama parti Barisan Nasional (BN) tidak memenangi majoriti 2/3 kerusi dewan rakyat pada Pilihanraya Umum Ke-12 (PRU-12) pada tahun 2008 adalah kerana gagal menguasai isu dunia siber ketika itu:

Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali dan Novel Lyndon (2012) turut menyokong pandangan ini dengan mendakwa bahawa pengaruh internet ini dilihat ketara dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU-12) sehingga membawa kepada kegagalan BN mengekalkan keputusan majoriti dua pertiga kerusi parlimen. Kedua-dua pandangan ini membuktikan hubung kait yang konsisten dengan kaji selidik Jun-E Tan dan Zawawi Ibrahim (2008) yang menunjukkan bahawa lebih 60% pengundi yang tidak mengundi pada PRU-11 (2004) bercadang untuk mengundi pada PRU-12 (2008) setelah menjadi pembaca setia blog-blog sosio-politik dan media alternatif yang kritikal terhadap Kerajaan BN.

Namun begitu, BN dilihat masih cuba untuk menyaingi penguasaan pembangkang di media siber apabila Perdana Menteri menjadikan media siber sebagai tumpuannya untuk mendapatkan kembali sokongan rakyat (Hafni Zuhairi & Muhamad Najmi, 2015) sebaik sahaja selepas beliau menggantikan Tun Abdullah pada April 2009 (Utusan, 2009). Kelompok ‘pejuang siber’ atau *cybertrooper* pro BN juga mulai dibentuk dan disusun bagi menghadapi kempen siber pakatan rakyat dalam beberapa siri pilihanraya kecil selepas 2009 dan Pilihanraya Negeri (PRN) Sarawak ketika itu. Malah penyelidik juga telah berpeluang untuk terlibat dalam

beberapa siri latihan khusus *cybertrooper* selain diamanahkan untuk menyusun strategi operasi bagi beberapa pilihanraya. Kemuncak pertembungan antara dua kelompok *cybertrooper* berlainan ideologi ini adalah ketika PRU-13, yang menyaksikan majoriti dewan rakyat bagi BN terus merosot, tetapi berjaya merampas kembali pentadbiran negeri Kedah dan Perak.

Selanjutnya, Mohd Hariszuan Jaharudin (2014) telah mengaitkan keputusan PRU-13 ini dengan perbelanjaan besar-besaran dan penggunaan imej budaya popular oleh Barisan Nasional (BN) sepanjang kempen pilihanraya yang telah gagal memenangi hati pengundi, khasnya golongan muda. Namun begitu, kajian tersebut kelihatan agak tidak seimbang terutamanya dalam aspek perbandingan data perbelanjaan kempen media sosial dan prestasi yang tidak dibuat sewajarnya di antara BN dan Pakatan Rakyat. Walau bagaimanapun dapatan kajian Norshuhada Shiratuddin et al. (2016) telah mengukuhkan fakta bahawa kekalahan BN di saluran-saluran mengundi golongan belia, yang secara tidak langsung membuktikan bahawa kempen media sosial BN ke atas golongan belia tidak mencapai matlamatnya. Sehubungan itu, bagi skop kajian ini, analisis deskriptif ringkas ke atas trend keputusan pilihanraya salah satu kerusi bandar, iaitu dewan undangan negeri (DUN) Kajang telah dibuat bagi mendapatkan sedikit idea berkenaan impak letusan media sosial pada tahun 2008 seperti berikut:

Jadual 1 : Keputusan Pilihanraya DUN Kajang 1954-2015

PRU	Parti	Majoriti	Peratus Mengundi	ADUN
1959	Perikatan (BN)	1082	77.6	Mustafa Yunus
1964	Perikatan (BN)	3591	79.4	Mohd Nazir bin Haji Abdul Jalil
1969	Perikatan (BN)	670	67.9	Mohd Nazir bin Haji Abdul Jalil
1974	BEBAS	244	80.4	Lee Teck Su
1978	DAP	2528	78.78	Liew Ah Kim
1982	BN	2441	77.1	Lim Soon Teck
1986	PAS	1651	75.8	Maido Bin Ali
1990	DAP	N/A	N/A	Tan Seng Giaw
1995	BN	N/A	N/A	Choong Taw Chong
1999	PAS	N/A	N/A	Shafie Abu Bakar
2004	BN	2773	52.6	Low Lee Leng
2008	PKR	3268	79.5	Lee Kim Sin
2013	PKR	6824	88.4	Lee Chin Cheh
2014 (PRK)	PKR	5379	72.1	Wan Azizah Wan Ismail

Sumber: SPR Malaysia dan Wikipedia

Jadual 1 di atas jelas menunjukkan bahawa sebelum tahun 2008, DUN Kajang bukanlah satu kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang boleh dianggap sebagai kubu kuat bagi mana-mana parti. 'Letusan' media sosial pada tahun 2008 (ComScore, 2008) dipercayai telah memberikan impak yang signifikan terhadap keputusan pilihanraya di negara ini yang turut memberikan petunjuk bahawa perubahan budaya politik sedang berlaku di negara ini. Ini adalah kerana selepas tahun 2008, dapat diperhatikan hanya parti Keadilan Rakyat (PKR) sahaja yang memenangi DUN Kajang (lihat Jadual 1) sedangkan parti tersebut sendiri tidak

mempunyai struktur jentera akar umbi yang kukuh (Antarapos, 2015). Senario ini terjadi berikutan sokongan pengundi bandar terhadap parti pembangkang berkait rapat dengan pengaruh sumber maklumat politik melalui media sosial yang tidak memihak kepada parti pemerintah iaitu Barisan Nasional (BN) (Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof, 2014).

Walau bagaimanapun, ini bukanlah bermaksud bahawa kerusi DUN Kajang sudah menjadi ‘kerusi selamat’ atau ‘kubu’ bagi PKR selepas letusan media sosial juga adalah tidak tepat berikutan masih banyak faktor lain yang perlu diambil kira seperti isu masalah dalaman parti BN, kekuatan jentera PAS, kecenderungan pengundi muda dan perpecahan undi di kalangan orang Melayu itu sendiri (Sinar Harian, 2013). Faktor-faktor fizikal luaran seperti ini seharusnya diberikan pertimbangan yang sewajarnya sebelum generalisasi berkenaan perubahan budaya politik yang dipengaruhi oleh peranan agen sosialisasi politik seperti media sosial dapat dibuat. Malahan fenomena “Tsunami Cina” (Sinar Harian, 2013) pada PRU-13 yang lepas turut memberikan gambaran awal tentang perubahan budaya politik yang dipacu oleh media sosial ini adalah tidak menyeluruh dan hanya melibatkan kelompok etnik tertentu sahaja di negara ini.

1.3 Permasalahan Kajian

Perkembangan teknologi komunikasi maklumat yang didorong oleh fenomena ‘letusan’ media sosial pada tahun 2008 telah menjadi pencetus kepada proses liberalisasi penyertaan politik (Tam, 2013) yang turut memberikan kesan terhadap perubahan budaya politik terutamanya di kalangan belia. Golongan tersebut kini berkecenderungan untuk bersikap sinis terhadap kerajaan dan pihak berkuasa akibat kebergantungan yang tinggi terhadap maklumat politik di media sosial yang dikuasai oleh pro pembangkang (Jun-E Tan & Zawawi Ibrahim, 2008; Mohd Fuad Mat Jali et al., 2012; Hariszuan Jaharudin, 2014 dan Fatimah Akmal & Ali Salman, 2015). Akibatnya, generasi muda terutamanya yang berumur di bawah 40 tahun yang secara relatifnya tidak pernah merasai kesempitan hidup dan peperangan juga kini cenderung untuk mempamerkan nilai-nilai budaya politik *post-materialist*, sebagaimana yang digambarkan melalui keputusan PRU-12 dan PRU-13 yang lalu.

Corak perubahan budaya politik di kalangan belia terutamanya di DUN Kajang dipercayai mempunyai hubungan yang langsung dengan liberalisasi sosialisasi politik dan maklumat politik melalui media sosial. Ciri-ciri budaya politik konservatif yang berdasarkan kepada ‘nilai Asian’ (Saravanamuttu & Loh, 2006; Mohd Azizuddin Mohd Sani, 2010) yang mementingkan kebajikan umum berbanding kepentingan peribadi, rasa hormat secara semulajadi kepada pihak berkuasa selain keharmonian sosial seolah-olah sudah ditinggalkan dan dilihat semakin tidak relevan terutamanya di kalangan belia. Ruang kebebasan untuk bersuara dan meluahkan pendapat di media sosial telah membolehkan semua pihak untuk berinteraksi serta berkongsi maklumat, termasuklah juga maklumat palsu.

Lantaran itu, maklumat politik yang mendominasi media sosial dilihat telah mengganggu aliran kesesuaian (*congruence*) pembentukan budaya politik konservatif (Winter & Bellows, 1992) secara menegak melalui ejen-ejen sosialisasi politik tradisional seperti keluarga, pendidikan dan media massa konvensional itu sendiri.

Penerimaan maklumat politik yang tidak selari semasa proses sosialisasi politik secara mendatar di media sosial ini pula akhirnya boleh mempengaruhi bentuk kecenderungan pendapat politik dan mengakibatkan proses perubahan budaya politik serta kelahiran sub budaya politik yang baharu (Winter & Bellows, 1992) terutamanya di kalangan generasi pelapis atau belia seperti mana yang berlaku ketika revolusi *Arab Spring* dan keruntuhan kesatuan Soviet. Malah, keupayaan media sosial untuk menyediakan ruang yang bebas dan murah dalam memenuhi keperluan sosialisasi politik belia juga telah membantu mengalih fokus golongan tersebut dari ejen sosialisasi politik media massa konvensional seperti televisyen, radio dan bahan bercetak. Ditambah pula dengan ciri-cirinya yang bersifat interaktif serta bebas kawalan dari mana-mana pihak yang berkepentingan telah berjaya mewujudkan persepsi bahawa maklumat di medium tersebut juga bersifat neutral. Faktor-faktor ini akhirnya telah menjadi pemangkin kepada proses di mana media sosial dijadikan tumpuan dan rujukan ramai terutamanya di kalangan belia sehingga menyebabkan mereka akhirnya bergantung kepada medium tersebut (Normah Mustaffa, Wan Amizah Wan Mahmud, Fauziah Ahmad, Maizatul Haizan Mahbob & Mohd. Helmi Abd. Rahim, 2013; Fauziah Ahmad & Dafrizal Samsudin, 2017).

Seperti mana proses pembentukan agenda melalui media massa konvensional sebelum ini yang ditentukan oleh siapa yang menguasai medium tersebut (Kourvetaris, 1997), media sosial juga berupaya membentuk pendapat politik audien yang bergantung kepadanya berdasarkan kepada siapa yang sedang menguasai maklumat politik. Situasi ini secara tidak langsung akan turut mempengaruhi pembentukan budaya politik pada masa akan datang (Barber, 1972; Kluver, Jankowski, Foot & Schneider, 2007). Sehubungan itu, kebergantungan terhadap media siber bagi sosialisasi politik oleh golongan belia kini bukan sahaja dianggap boleh mempengaruhi pembentukan pandangan umum atau pendapat politik semasa, bahkan berupaya untuk memberikan kesan terhadap budaya politik negara, yang sebelum ini meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada kerajaan (Saravanamuttu & Loh, 2006). Secara ringkasnya, proses ini dapat dirumuskan melalui kenyataan berikut:

“Teknologi maklumat seperti internet dikatakan lama-kelamaan boleh membentuk sikap, pandangan malahan budaya dalam kalangan masyarakat negara ini khususnya dan dunia secara umumnya. Pembentukan sikap dan pandangan akan memberi kesan kepada perkara lain dalam kehidupan manusia termasuk dalam menentukan pemerintahan sesebuah kerajaan.”
(Mohd Fuad Mat Jali et al., 2012)

Penumpuan usaha dan dana oleh parti-parti politik di negara ini bagi menjayakan kempen mereka di media sosial juga dilihat mengukuhkan pandangan ini selain mengukuhkan gambaran bahawa fokus capaian mesej politik terutamanya ke atas golongan belia ini telah beralih kepada secara atas talian (*online*). Mohd Hariszuan Jaharuddin (2014) turut menyokong premis ini dengan memperincikan bahawa Barisan Nasional (BN) dan Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan jutaan ringgit semasa kempen PRU-13 di media sosial. Malah, parti DAP juga dikatakan mempunyai tentera sibernya sendiri yang dibayar gaji sebanyak RM 3,000 sebulan (The Malay Mail Online, 2014). Pendedahan ini sekaligus membuktikan bahawa peranan media sosial sebagai ejen sosialisasi semenjak PRU-12 bukanlah berbentuk *one-off*, malah telah berevolusi menjadi satu keperluan baharu dalam strategi media dan komunikasi parti-parti politik yang bertanding (Monash University, 2016).

Walaupun beberapa faktor demografi seperti jantina dan latar belakang pendidikan atau kelas sosial boleh mempengaruhi proses sosiologi politik belia (Kourvetaris, 1997), namun senario politik di Malaysia semenjak era kemerdekaan memberi petunjuk bahawa faktor etnik sering memainkan peranan yang signifikan. Selain dilabelkan sebagai pilihanraya media sosial yang pertama (The Star, 2013), PRU-13 juga dikenali sebagai “Tsunami Cina” berikutan kekalahan teruk parti-parti komponen BN yang berasaskan kaum cina iaitu MCA (*Malaysian Chinese Association*) dan Gerakan kepada DAP dan Pakatan Rakyat (PR). BN telah kalah 12 dari 14 kerusi parlimen bandar, namun berjaya memperoleh kembali satu kerusi Parlimen bandar, iaitu P.76 Parlimen Teluk Intan melalui PRK Teluk Intan pada tahun 2014. Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Novel Lyndon dan Mohd Faizd Mohd Zain (2014) juga merumuskan bahawa “Tsunami Cina” atau “Tsunami Bandar” telah berlaku berikutan kegagalan BN untuk memperoleh undi etnik Cina yang telah memberikan PR kelebihan selain turut dikaitkan dengan perpecahan undi orang Melayu (Sinar Harian, 2013).

Namun begitu, analisis data keputusan PRU 2004, 2008 dan 2013 membuktikan bahawa terma ‘tsunami politik bandar’ adalah lebih tepat untuk menggambarkan perubahan budaya politik ini melalui peralihan sokongan padu pengundi etnik Cina bandar, golongan profesional dan pengundi muda kepada Pakatan Rakyat (PR) disebabkan oleh faktor capaian kepada sumber maklumat politik daripada media alternatif seperti *facebook*, *twitter*, laman web, blog dan juga SMS (Junaidi Awang Besar et al., 2014). Malah, berdasarkan analisis lanjut keputusan PRK DUN Kajang (kerusi bandar) pada tahun 2014, BN didapati telah kalah di semua saluran pengundi muda (21-40 tahun) kecuali satu saluran luar bandar majoriti Melayu iaitu Batu 10 Cheras (Suruhanjaya Pilihanraya [SPR], 2015). Perubahan sokongan pengundi Cina (kemenangan kesemua calon DAP di kawasan majoriti pengundi Cina antara 52 peratus hingga 91 peratus terutamanya di kawasan bandar-bandar di Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor) yang berterusan ini dilihat sebagai manifestasi perubahan budaya politik konservatif di kalangan etnik tertentu kerana kebergantungan terhadap media sosial bagi sosialisasi politik, yang akhirnya menggugat hegemoni Kerajaan BN dan

seterusnya memberikan risiko polarisasi kaum yang lebih luas (Mohd Fuad Mat Jali et al., 2014).

Sehubungan itu, pemilihan DUN Kajang sebagai skop lokasi kajian adalah merupakan langkah yang dilihat paling tepat berdasarkan kepada isu dan permasalahan semasa seperti yang telah dinyatakan. Tambahan pula, selain mempunyai kadar penetrasi internet yang tinggi (Free Malaysia Today, 2014), DUN bandar ini juga menyaksikan aktiviti protes politik yang agak intensif sepanjang beberapa tahun lalu berikutan dua pilihanraya berturutan iaitu Pilihanraya Umum Ke-13 dan Pilihanraya Kecil Dewan Undangan Negeri Kajang atau lebih popular dikenali sebagai “Langkah Kajang” bagi menyelesaikan konflik dalaman parti Keadilan Rakyat (PKR) (Rafizi Ramli, 2014).

Dapatan dari analisis kajian ini juga dilihat penting terutamanya dalam menghuraikan pengaruh tahap kebergantungan belia terhadap media sosial bagi sosialisasi politik dengan corak perubahan budaya politik di negara ini secara amnya. Ini berikutan proses sosialisasi politik yang diberikan ruang dalam sistem politik yang mampan akan memastikan sistem tersebut kekal stabil melalui proses perubahan budaya politik yang lancar. Namun jika perubahan budaya politik ini ditekan atau tidak dapat ditampung oleh institusi dan sistem politik itu sendiri, maka ketidakstabilan politik pasti akan tercetus. Apa yang lebih membimbangkan adalah kesan ketidakstabilan politik ini juga boleh menyebabkan keganasan, peperangan dan kehilangan nyawa dan harta benda (Fukuyama, 2014).

1.4 Persoalan Kajian

- a) Sejauh manakah tahap kebergantungan belia di media sosial bagi tujuan politik;
- b) Adakah keutamaan media sosial sebagai medium politik dapat meramalkan penggunaannya bagi tujuan politik;
- c) Adakah faktor-faktor demografi (jantina, etnik dan latar belakang pendidikan) boleh mempengaruhi tahap kebergantungan golongan belia di media sosial bagi tujuan politik;
- d) Adakah wujud perhubungan di antara tahap kebergantungan belia di media sosial bagi tujuan politik dengan pengetahuan politik mereka;
- e) Adakah faktor-faktor demografi (jantina, etnik dan latar belakang pendidikan) boleh mempengaruhi pengetahuan politik golongan belia yang bergantung terhadap media sosial bagi tujuan politik;
- f) Adakah wujud perhubungan di antara tahap kebergantungan belia di media sosial bagi tujuan politik dengan perubahan budaya politik mereka; dan
- g) Adakah faktor-faktor demografi (jantina, etnik dan latar belakang pendidikan) boleh mempengaruhi perubahan budaya politik golongan belia yang bergantung terhadap media sosial bagi tujuan politik;

1.5 Objektif Kajian

Secara amnya, objektif kajian ini adalah untuk meneliti sejauh manakah tahap kebergantungan belia di media sosial bagi tujuan politik ini memberikan kesan terhadap pengetahuan politik dan perubahan budaya politik di DUN Kajang. Secara lebih khusus, kajian ini diharap dapat membentuk pemahaman yang lebih jelas berkenaan perkara-perkara berikut:

- a) Menenal pasti tahap kebergantungan golongan belia di media sosial bagi tujuan politik;
- b) Menentukan sama ada keutamaan media sosial sebagai medium politik boleh meramalkan penggunaannya bagi tujuan politik;
- c) Menentukan pengaruh faktor-faktor demografi (jantina, etnik dan latar belakang pendidikan) ke atas tahap kebergantungan golongan belia di media sosial bagi tujuan politik;
- d) Mengkaji perhubungan di antara tahap kebergantungan belia di media sosial bagi tujuan politik dengan pengetahuan politik mereka;
- e) Menentukan pengaruh faktor-faktor demografi (jantina, etnik dan latar belakang pendidikan) ke atas pengetahuan politik golongan belia yang bergantung terhadap media sosial bagi tujuan politik;
- f) Mengkaji perhubungan di antara tahap kebergantungan belia di media sosial bagi tujuan politik dengan perubahan budaya politik; dan
- g) Menentukan pengaruh faktor-faktor demografi (jantina, etnik dan latar belakang pendidikan) ke atas perubahan budaya politik golongan belia yang bergantung terhadap media sosial bagi tujuan politik;

1.6 Hipotesis Kajian

Berikut adalah hipotesis kajian yang dibangunkan berdasarkan persoalan dan objektif kajian yang telah digariskan bagi tujuan penerimaan atau penolakan selepas proses analisis data:

- a) Hipotesis bagi objektif kedua adalah seperti berikut:
H_{0a} Keutamaan media sosial sebagai medium politik tidak meramalkan secara signifikan penggunaannya bagi tujuan politik
- b) Hipotesis bagi objektif ketiga adalah seperti berikut:
H_{0b1} Faktor etnik tidak meramalkan secara signifikan tahap kebergantungan belia di media sosial bagi tujuan politik
H_{0b2} Faktor jantina tidak meramalkan secara signifikan tahap kebergantungan belia di media sosial bagi tujuan politik
H_{0b3} Faktor latar belakang pendidikan tidak meramalkan secara signifikan tahap kebergantungan belia di media sosial bagi tujuan politik

- c) Hipotesis bagi objektif yang keempat adalah seperti berikut:
H_{0c} Tidak wujud hubungan yang signifikan di antara tahap kebergantungan belia di media sosial bagi tujuan politik dengan pengetahuan politik mereka
- d) Hipotesis bagi objektif kelima adalah seperti berikut:
H_{0d1} Faktor etnik tidak meramalkan secara signifikan pengetahuan politik
H_{0d2} Faktor jantina tidak meramalkan secara signifikan pengetahuan politik
H_{0d3} Faktor latar belakang pendidikan tidak meramalkan secara signifikan pengetahuan politik
- e) Hipotesis bagi objektif yang keenam adalah seperti berikut:
H_{0e} Tidak wujud hubungan yang signifikan di antara tahap kebergantungan belia di media sosial bagi tujuan politik dengan perubahan budaya politik
- f) Hipotesis bagi objektif ketujuh adalah seperti berikut:
H_{0f1} Faktor etnik tidak meramalkan secara signifikan perubahan budaya politik
H_{0f2} Faktor jantina tidak meramalkan secara signifikan perubahan budaya politik
H_{0f3} Faktor latar belakang pendidikan tidak meramalkan secara signifikan perubahan budaya politik

1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Kebergantungan Terhadap Media Sosial Bagi Tujuan Politik

Konsepsual: Definisi bagi kebergantungan terhadap media sosial bagi tujuan politik adalah keutamaan media sosial sebagai ejen perubahan budaya politik melalui proses sosialisasi politik (Kourvetaris, 1997; Magstadt, 2009; Normah Mustaffa et al., 2013; Fauziah Ahmad & Dafrizal Samsudin, 2017).

Operasional: Tahap keutamaan media sosial pada tanggapan golongan belia untuk memenuhi keperluan sosialisasi politik. Tahap keutamaan ini turut memberikan gambaran tentang tingkat kebergantungan mereka terhadap media sosial bagi tujuan sosialisasi politik sekiranya akses terhadap medium tersebut menjadi mustahil.

1.7.2 Sosialisasi Politik

Konsepsual: Menurut Magstadt (2009), definisi yang sesuai bagi membincangkan tentang idea sosialisasi politik ini adalah aktiviti dan proses di mana warganegara membentuk nilai, tingkah laku, kepercayaan dan pendapat (atau kognitif, afektif dan nilai) yang membolehkan mereka untuk menyokong sistem politik tertentu. Sementara konsep penyertaan politik yang merupakan elemen utama dalam proses sosialisasi politik (Magstadt, 2009) pula boleh didefinisikan sebagai minat atau keinginan untuk menyertai aktiviti politik tanpa paksaan (Magstadt, 2006; Roskin et al., 2008) pada sebarang tahap, dengan tujuan untuk mempengaruhi kerajaan dalam proses membuat keputusan (Kourvetaris, 1997; Syed Ahmad Hussein, 2006).

Operasional: Sebarang bentuk aktiviti sosialisasi politik, terutamanya melalui penyertaan politik di media sosial, sama ada secara individu atau berkumpulan bagi tujuan tertentu seperti mempengaruhi pendapat politik pihak ketiga atau pun mempengaruhi sesuatu polisi atau dasar kerajaan. Bagi skop kajian ini juga, penggunaan media sosial bagi tujuan politik dianggap sebagai salah satu aktiviti sosialisasi politik melalui ejen media massa.

1.7.3 Media Sosial

Konsepsual: Sekumpulan aplikasi berasaskan internet yang dibangunkan di atas asas ideologi dan teknologi Web 2.0 yang membenarkan penghasilan dan pertukaran kandungan yang dihasilkan pengguna atau *User Generated Content* (UGC) (Kaplan & Haenlein, 2009).

Operasional: Aplikasi berasaskan internet yang boleh digunakan secara mudah alih di telefon bimbit yang membenarkan akses maklumat dan rangkaian komunikasi teks, gambar dan video tanpa had terutamanya melalui aplikasi *Facebook* dan *Whatsapp*.

1.7.4 Pengetahuan Politik

Konsepsual: Pengukuran keupayaan seseorang warganegara untuk menyediakan jawapan yang betul kepada set soalan yang berdasarkan fakta politik tertentu (Boudreau & Lupia, 2009). Sementara Barabas, Jerit, Pollock & Rainey (2014) pula mengguna pakai definisi Delli Carpini dan Keeter's (1996) yang menggariskan pengetahuan politik sebagai kepelbagaian fakta maklumat tentang politik yang disimpan di memori jangka panjang individu.

Operasional: Keupayaan golongan belia untuk mendapatkan maklumat yang tepat ke atas soalan fakta politik dominan di media sosial. Pengetahuan politik yang diterima semasa proses sosialisasi politik di media sosial ini seterusnya boleh mempengaruhi bentuk kecenderungan pendapat politik mereka kelak.

1.7.5 Pendapat Politik

Konsepsual: Pandangan terhadap isu umum yang dipegang oleh komuniti tertentu yang memastikan diri mereka dimaklumkan dan memikirkannya dengan panjang lebar (Converse, 1987).

Operasional: Isu politik yang dominan atau menguasai media sosial yang boleh mempengaruhi kepercayaan, emosi dan tingkah laku seseorang itu untuk berfikir dan bertindak apabila isu tersebut ditimbulkan.

1.7.6 Perubahan Budaya Politik

Konsepsual: Gabriel A. Almond dan Sidney Verba (1989) mendefinisikan budaya politik sebagai orientasi fenomena politik yang meliputi kognitif, affektif dan nilai, yang tersebar di kalangan populasi nasional atau sub-kumpulan. Selain itu, budaya politik juga boleh diuraikan dalam bentuk penjelasan ringkas bagi menentukan persekitaran (berbentuk orientasi yang nyata) emosi dan sikap apabila sistem politik beroperasi (Kavanagh, 1976). Budaya politik merangkumi nilai moral sedia ada, kepercayaan, dan mitos yang dipegang oleh masyarakat dan sanggup mati mempertahankannya (Magstadt, 2009) dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa, terutamanya akibat faktor perkembangan ekonomi dan arus pemodenan (Kourvetaris, 1976). Perubahan atau transformasi politik ini pula merupakan proses yang boleh dianggap sebagai bentuk pembangunan politik (Francis Fukuyama, 2014).

Operasional: Sistem kepercayaan dan ekspektasi kontemporari oleh golongan belia ke atas sesuatu sistem politik yang dibentuk dan dipengaruhi oleh pengetahuan politik serta pendapat politik yang dominan di media sosial. Bagi skop kajian ini, definisi operasional lanjut bagi budaya politik konservatif Malaysia adalah ciri-ciri budaya politik yang bersandarkan kepada nilai-nilai yang telah dipersetujui bersama dalam Kontrak Sosial (Awang Sariyan, 2014; Pusat Maklumat Rakyat [PMR], 2017).

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini telah direka bentuk dengan fokus utama untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas berkenaan pengaruh tahap kebergantungan kepada media sosial bagi maksud sosialisasi politik oleh golongan belia terhadap budaya politik di

negara ini. Fenomena penggunaan media sosial sebagai medium utama komunikasi yang dilihat semakin penting dalam menggantikan peranan komuniti dunia sebenar mempengaruhi proses sosialisasi politik belia, sehingga dikaitkan dengan beberapa keputusan pilihanraya, terutamanya PRU-13 yang lalu (Junaidi Awang Besar et al., 2014; Mohd Fuad Mat Jali et al., 2014 dan Mohd Hariszuan Jaharuddin, 2014).

Secara amnya, pemilihan DUN Kajang sebagai lokasi kajian adalah berdasarkan kepada kesesuaian faktor demografinya terutamanya dalam usaha untuk memahami dengan lebih lanjut fenomena “Tsunami Cina” (Sinar Harian, 2013) atau “Tsunami Bandar” (Mohd Fuad Mat Jali et al., 2014) yang berlaku pada PRU-13 lalu. Ini berikutan lokasinya sebagai kawasan bandar dengan komposisi pengundi berbangsa Cina yang agak signifikan. Walaupun terdapat beberapa kajian lepas yang dijalankan bagi melihat pengaruh media sosial ke atas aspek penyertaan politik golongan belia secara *online* dan *offline*, namun data empirikal yang menunjukkan pengaruhnya terhadap perubahan budaya politik yang dimanifestasi dalam bentuk keputusan pilihanraya di negara ini masih lagi tidak banyak dan sukar diperolehi.

Tambahan pula peristiwa “Langkah Kajang” (Rafizi Ramli, 2014) yang berlaku secara eksklusif di DUN Kajang sehingga mengakibatkan pilihanraya kecil (PRK) dengan sengaja, turut telah mengundang pelbagai persoalan terutamanya dari aspek tumpuan dan medium kempen parti-parti politik yang terlibat bagi memastikan kadar sosialisasi politik, khususnya bilangan yang keluar mengundi dapat dikekalkan tinggi terutamanya dari kalangan belia. Malahan apa yang lebih menarik untuk diperhatikan adalah bagaimana “Langkah Kajang” bercanggah dengan konsep *Rule of Anticipated Reactions* (Roskin et al., 2008) yang membawa maksud pemimpin politik akan sentiasa cuba untuk menggubal polisi mengikut apa yang mereka rasakan umum paling kurang akan bertindak balas bagi meminimalkan penyertaan politik yang boleh merugikan mereka.

Sehubungan itu, kajian ini telah dibangunkan dengan fokus khusus untuk mengesahkan atau menolak hipotesis bahawa media sosial telah mempengaruhi secara signifikan liberalisasi sosialisasi politik golongan belia di negara ini. Persoalan seperti keupayaan belia dalam memastikan keseimbangan maklumat politik serta kecenderungan pendapat politik mereka telah dikaji secara saintifik bagi membantu untuk memahami dengan lebih baik berkenaan punca sikap sinikal para belia terhadap pihak kerajaan persekutuan di media sosial itu yang dikatakan berpunca dari bentuk kecenderungan maklumat atau agenda yang mendominasi medium tersebut pada satu-satu masa (Kluver et al., 2007). Analisis perhubungan ini juga dapat membantu pengkaji dalam memahami dengan lebih baik proses pembentukan kecederungan ideologi serta jangkaan budaya politik belia pada masa hadapan.

Justeru, dapatan kajian secara mikro di DUN Kajang ini turut boleh membantu menghasilkan generalisasi perkaitan hubungan perubahan budaya politik yang ditunjukkan melalui keputusan PRU-12 dan PRU-13 lalu dengan fenomena letusan media sosial sekitar tahun 2008 sepertimana yang sering dinyatakan dalam beberapa kajian lalu. Malah, dapatan analisis dari kajian ini juga boleh membantu dalam mengenal pasti punca kegagalan kempen politik di media sosial terutamanya di pihak kerajaan persekutuan kepada golongan sasaran seperti belia dan kelompok etnik tertentu di negara ini sehingga menyebabkan maklumat yang mereka terima bersifat berat sebelah sepanjang masa.

Dalam masa yang sama, kajian ini dapat membantu untuk menghuraikan apakah bentuk maklumat yang sering mendapat perhatian, mudah menular dan mendominasi media sosial itu sendiri. Ini seterusnya menyokong usaha untuk membuktikan sama ada media sosial itu sendiri neutral dalam erti kata sebenar atau sebenarnya dikuasai oleh kelompok partisan dengan agenda tertentu, sama seperti apa yang telah dilabelkan terhadap media massa konservatif selama ini.

1.9 Skop dan Limitasi Kajian

Skop kajian bagi sasaran responden adalah melibatkan golongan belia yang berumur lingkungan 15 – 40 tahun di DUN Kajang, bagi membantu untuk menjelaskan sama ada perubahan budaya politik yang ditunjukkan melalui keputusan PRU-12 dan PRU-13 yang lalu mempunyai perkaitan yang signifikan dengan pengaruh media sosial itu sendiri. Dapatan kajian juga dirangka agar dapat merungkai secara lebih terperinci sebarang bentuk hubungan dan perbezaan demografi, terutamanya dari aspek etnik yang mungkin dapat meramalkan perubahan budaya politik berikutan fenomena *realignment* pengundi Cina pada PRU-13 yang lalu (Mohd Fuad Mat Jali et al., 2014).

Menurut Kluver et al. (2007) dan Wolfsfield et al. (2013), penggunaan media sosial bagi tujuan politik dalam sebarang bentuk atau fasa penyertaan politik adalah tidak signifikan sekiranya capaian internet adalah rendah dan tidak berlaku aktiviti protes politik (seperti pilihanraya, protes jalanan dan lain-lain). Sehubungan itu, kedua-dua faktor luaran ini seharusnya dikawal dengan secara sistematik. Ini juga adalah pertimbangan utama dalam pemilihan DUN Kajang sebagai skop lokasi kajian kerana kawasan tersebut mencatatkan penetrasi internet yang tinggi (Free Malaysia Today, 2014; SKMM, 2015) selain pilihanraya yang lebih kerap diadakan secara sengaja (Rafizi Ramli, 2014) berbanding DUN atau Parlimen lain.

Aspek demografi jantina, etnik dan latar belakang pendidikan merupakan tiga faktor utama yang mempengaruhi proses sosialisasi politik dan perubahan budaya politik (Kourvetaris, 1997; Lane & Wagschal, 2012; Barabas et al., 2014). Selain itu, data bagi ketiga-ketiga faktor ini lebih mudah untuk diperoleh dari responden tanpa melibatkan soalan yang bersifat terlalu personal dan sensitif. Sebagai contoh,

walaupun faktor latar belakang keluarga adalah antara faktor penting dalam proses sosialisasi politik (Brooks, Manza & Bolzendahl, 2003; Magstadt, 2009), namun data dan soalan kajian yang dikemukakan adalah sukar sekali untuk mengelakkannya dari bersifat intrusif dan sensitif, yang akhirnya akan menyebabkan ramai responden memilih untuk tidak menjawabnya. Walau bagaimanapun, sedikit sebanyak ciri dan sifat latar belakang keluarga responden boleh dihuraikan melalui data ringkas etnik dan jantina berikutan faktor-faktor tersebut saling berkaitan di antara satu dengan yang lain. Pertimbangan yang sama turut diberikan bagi mendapatkan data berkenaan kelas sosial responden yang ditanya dalam bentuk latar belakang pendidikan mereka.

Dari aspek persampelan pula, komposisi pengundi belia di DUN N.25 Kajang dan populasi keseluruhan belia di daerah Hulu Langat telah diberikan pertimbangan. DUN Kajang merupakan salah satu kerusi DUN dalam parlimen P101 Hulu Langat, selain DUN Semenyih dan DUN Dusun Tua. Mengikut daftar pengundi rasmi Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) bagi Pilihanraya Kecil (PRK) DUN Kajang 2014 yang merupakan Daftar Pemilih Induk 2012 bagi bahagian pilihan raya berkenaan yang digabungkan dengan Daftar-Daftar Pemilih Tambahan Suku Tahun Pertama 2013, Suku Tahun Kedua 2013 dan suku tahun ketiga 2013 yang dikemaskini sehingga 26 Januari 2014 (Bernama, 2014), jumlah pengundi berdaftar bagi DUN Kajang adalah seramai 39,278 orang.

Daripada jumlah tersebut, pecahan kaum (The Malay Mail, 2014) adalah seperti berikut iaitu:

- a) 48.5% (19,050 orang) berbangsa Melayu;
- b) 40.28% (15,823 orang) Cina;
- c) 10.29% (4,040 orang) India; dan
- d) 0.94% (365 orang) lain-lain.

50.07 peratus (19,666 orang) pengundi pula adalah merupakan pengundi wanita. Dari keseluruhan pengundi berdaftar, 39.9 peratus atau 15,668 orang adalah golongan belia yang berumur 21 – 40 tahun, dan populasi keseluruhan belia yang berumur 15 – 40 tahun di daerah Hulu Langat sehingga tahun 2010 pula adalah seramai 446,800 orang atau kira-kira 41.9 peratus (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia [IPPB], 2017) dari keseluruhan penduduk. Justeru, proses sosialisasi politik golongan belia melalui media sosial dilihat mampu untuk mendatangkan kesan ke atas budaya politik dan keputusan pilihanraya di DUN ini. Berdasarkan kepada faktor komposisi etnik dan umur inilah, DUN Kajang secara spesifik telah dipilih sebagai fokus kawasan kajian bagi melihat sama ada keputusan beberapa pilihanraya lepas (perubahan budaya politik) berpunca dari fenomena kebergantungan kepada media sosial bagi tujuan sosialisasi politik ini.

1.10 Organisasi Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada 5 bahagian atau bab. Bab Satu adalah bab pengenalan kepada kajian yang merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan dan objektif kajian, hipotesis, kepentingan serta limitasi dan skop kajian. Bab Dua pula menyentuh tentang sorotan kajian-kajian kontemporari sebelum ini oleh para pengkaji dan ahli akademik yang berkaitan sama ada di Malaysia atau lain-lain tempat di seluruh dunia. Semua artikel, kajian dan data yang berkaitan aspek pengaruh kebergantungan sosialisasi politik di media sosial atau internet terhadap perubahan budaya politik diberikan perhatian untuk dijadikan rujukan bagi tujuan penulisan tesis dan pelaksanaan kajian ini. Bab kedua juga membincangkan secara lanjut tentang teori kajian dan kerangka konseptual yang diguna pakai dalam kajian ini. Dalam Bab yang ketiga pula, pengkaji memperincikan reka bentuk dan metodologi kajian seperti strategi penyelidikan, kaedah pengumpulan data, penentuan sampel, rekabentuk soal selidik, ujian-ujian awal kesahan dan kepercayaan serta analisis-analisis statistik yang akan digunakan. Bab seterusnya iaitu Bab Empat adalah perbincangan berkenaan hasil analisis dan pembuktian hipotesis ke atas dapatan data kajian. Bab ini juga membincangkan rumusan awal kajian beserta justifikasi terhadap hasil dapatan. Bab Lima merupakan bab akhir yang membincangkan secara lanjut dan terperinci berkenaan rumusan dapatan kajian serta implikasi dan cadangan kajian.

1.11 Rumusan

Sebagai rumusan bagi bab ini, kajian ini adalah signifikan terutamanya bagi tujuan untuk memahami pengaruh kebergantungan sosialisasi politik di media sosial terhadap perubahan budaya politik golongan belia. Aspek ini adalah penting terutamanya apabila timbul keperluan untuk menentukan apakah kaedah antisipasi yang terbaik bagi memastikan fenomena sosialisasi politik golongan belia yang mendadak di media sosial ini dapat membantu memperkukuhkan sistem demokrasi di negara ini dan tidak menyebabkan pereputan budaya politik yang boleh menjadi ancaman kepada kestabilan politik, ketenteraman awam dan keselamatan umum (Fukuyama, 2014). Pemahaman yang lebih jitu berkenaan pengaruh media sosial ini juga membolehkan pihak yang berkepentingan menyusun strategi yang lebih berkesan bagi memastikan golongan belia mampu untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan politik yang seimbang dan sah yang boleh membantu mencorakkan pendapat politik kontemporari mereka sekaligus akan turut mempengaruhi bentuk budaya politik negara pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Abdul Hadi Samsi, Amaludin Ab. Rahman dan Ku Hasnita Ku Samsu. (2013). *Persepsi Belia Terhadap Parti Politik dan Tahap Penglibatan Politik di Selangor* (Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia).
- Acemoglu, D. & Robinson, J.A. (2012). *Why Nations Fail*. New York, USA: Crown Publishing Group
- Ahmad Zaharin Aris. (2016). *Publication in a Scientific Journal* [nota syarahan]. School of Graduate Studies (SGS), Universiti Putra Malaysia
- Almond, G. A. & Verba, S. (1989). *The Civic Culture Revisited*. California, USA: Sage Publications, Inc.
- Amanah. (2015). *Perjalanan 40 Hari Parti Amanah Negara*. Diakses dari <https://amanah.org.my/blog/2015/10/13/perjalanan-40-hari-parti-amanah-negara/>
- Anis Yusal Yusoff & Zubayry Abady Sofian. (2008). *Politik, Isu-isu Integriti: 2000-2008*. Kuala Lumpur, Malaysia: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd dan Institut Integriti Malaysia
- AntaraPos. (2015). *Amanah sedar partinya tiada sokongan akar umbi - Khairuddin Aman* [VIDEO]. Diakses dari <http://antarapos.com/bm/index.php?q9nan56SpKPkoObnaNGXpVvZn7Wmb5lnZw>
- Anwar Kholid, Rahmawati Husein & Dyah Mutiarin. (2015). The Influence of Social Media Towards Student Political Participation During the 2014 Indonesian Presidential Election. *Journal Of Government And Politics*, 6(2), 247-264. Diakses dari <http://journal.umy.ac.id/index.php/jsp/article/view/395/541>
- Astro Awani. (2015). *Kes Liwat II: Mahkamah putuskan Anwar bersalah, kekal hukuman penjara 5 tahun*. Diakses dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-liwat-ii-mahkamah-putuskan-anwar-bersalah-kekal-hukuman-penjara-5-tahun-53667>
- Atack, I. (2015). *Review: Ghandi in political theory: Truth, law and experiment*. Farnham, UK and Burlington, USA: Anuradha Veeravali, Ashgate. ISBN: 978-147222842
- Aulia Maharani Karli. (2013). *How Strongly Can Social Media Influence and Control People's Lives?*. Diakses dari

<http://www.voicesofyouth.org/en/posts/how-strongly-can-social-media-influence-and-control-people-s-lives->

- Awang Sariyan. (2014). Strategi Menjayakan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Negara. *PERTANIKA MAHAWANGSA, Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu, Vol. 1* (1). Universiti Putra Malaysia
- Ayed, H. A. (2005). The Influence of Internet in the Political Culture (A Field Study). *Journal of Social Sciences*, 1(3), 128-135. Diakses dari <https://core.ac.uk/download/pdf/25769950.pdf>.
- Ball-Rokeach, S. J., & DeFleur, M.L. (1976). A dependency model of mass media effects. *Communication Research*, 3, 3-21. Diakses dari <http://jtc501.pbworks.com/w/file/fetch/45289390/Ball-RokeachDeFleur.pdf>
- Ball, A. R. (1993). *Politik Dan Kerajaan Moden*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Barabas, J., Jerit, J., Pollock, W. & Rainey, C. (2014). The Question(s) of Political Knowledge. *American Political Science Review* 108(4), 840-855. doi:10.1017/S0003055414000392
- Barber, J. D. (1972). *Citizen Politics: An Introduction to Political Behaviour* (2nd ed.). Chicago, USA: Markham Publishing Company
- Bennet, S. (2013). *5 Reasons Why Social Media Is So Influential* [INFOGRAPHIC], Diakses dari <http://www.adweek.com/socialtimes/social-media-influential/477906>
- Bernama. (2015). *Anggaran kos PRK Kajang RM1.6 juta*. Diakses dari <http://m.malaysiakini.com/news/253565>
- Berita Harian. (2015). *Kes Altantuya: Mahkamah Persekutuan putuskan hukuman mati ke atas Azilah dan Sirul*. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/node/28868>
- Bode, L., Vraga, E. K., Mason, G., Borah, P. & Shah, D. V. (2013). A New Space for Political Behavior: Political Social Networking and its Democratic Consequences. *Journal of Computer-Mediated Communication* 19, 414-429. doi: 10.1111/jcc4.12048
- Boudreau, C. & Lupia, A. (2009). Political Knowledge. *Version 2.0. Prepared for the Cambridge Handbook of Experimental Political Science*. Diakses dari https://www.exeter.ac.uk/media/universityofexeter/elecDEM/pdfs/budapestwksapril2010/readingforbudapest/Boudreau_Lupia_Political_Knowledge_081009_final.pdf

- Boulianne, S. (2015). Social media use and participation: a meta-analysis of current research. *Special Issue: Communication and Information Technologies Section (ASA)*, 18(5). Diakses dari <http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/1369118X.2015.1008542?journalCode=rics20>
- Brooks, C., Manza, J., & Bolzendahl, C. (2003). Voting Behaviour and Political Sociology: Theories, Debates, and Future Directions. *Political Sociology for the 21st Century, Research in Political Sociology, Volume 12*, 137-173. ISSN: 0895-9935
- Cohen, C. & Kahne, J. (2012). *Social Media Power Youth Political Participation (Participatory Politics: New Media and Youth Political Action)*. Diakses dari <https://phys.org/news/2012-06-social-media-power-youth-political.html>
- Communication Theory. (n.d.). *Media Dependency Theory*. Diakses dari <http://communicationtheory.org/media-dependency-theory/>
- ComScore. (2008). *Social Networking Explodes Worldwide as Sites Increase their Focus on Cultural Relevance*. Diakses dari <http://www.comscore.com/Insights/Press-Releases/2008/08/Social-Networking-World-Wide>
- Converse, P. E. (1987). Changing Conceptions of Public Opinion in the Political Process. *Public Opinion Quarterly*, 51(2), S12-S24. Diakses dari <http://www.uvm.edu/~dguber/POLS234/articles/converse.pdf>
- Dahlgren, P. (2007). *Young Citizens and New Media: Learning for Democratic Participation*. New York, USA: Routledge (Taylor & Francis Group, LLC)
- Das, P.K. (2007). *Political Thoughts and Quotes*. Raj Publishing House
- de Zuriga, H. G., Jung, N. & Valenzuela, S. (2012). Social Media Use For News And Individuals Social Capital, Civic Engagement And Political Participation. *Journal of Computer-Mediated Communication* 17 (2012), 319–336. doi:10.1111/j.1083-6101.2012.01574.x.
- Delli Carpini, M. X., & Keeter, S. (1993). Measuring Political Knowledge: Putting First Things First. *American Journal of Political Science*, 37 (4), 1179-1206. Diakses dari <https://doi.org/10.2307/2111549>
- Dimitrova, D. V., Shehata, A., Strömbäck, J. & Nord, L. W. (2014). The effects of digital media on political knowledge and participation in election campaigns: evidence from panel data. *Communication Research* 2014 Vol 41(1), 95–118. Diakses dari <http://journals.sagepub.com/doi/abs/10.1177/0093650211426004>

- Döpfner, M. (2016). *Die Welt: Mark Zuckerberg talks about the future of Facebook, virtual reality and artificial intelligence*. Diakses dari http://www.businessinsider.com/mark-zuckerberg-interview-with-axel-springer-ceo-mathias-doepfner-2016-2?IR=T&_ga=1.59508013.1867789947.1486873838&r=US&IR=T
- DUN Penang. (2017). *Direktori Exco*. Diakses dari https://idirektori.penang.gov.my/papar_exco.php
- Erimtan, C. (2016). *The end of "Secular Turkey" or Ottomans re-emergent?* Diakses dari <https://www.rt.com/op-edge/221835-turkey-religion-secular-state/>
- Etheridge, M. E. & Handelman, H. (2008). *Politics in a Changing World: A Comparative Introduction to Political Science* (4th ed.). California, USA: Thomson Wadsworth
- Fahmy, E. (2006). *Young Citizens: Young People's Involvement in Politics and Decision Making*. UK: Ashgate Publishing Limited
- Fatimah Akmal & Ali Salman. (2015). Partisipasi Politik Belia Secara 'Online' Melalui Ruang Demokrasi Maklumat Media Baru. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication, Jilid 31(1)*, 81-100. Diakses dari <http://journalarticle.ukm.my/9103/>
- Fauziah Ahmad & Dafrizal Samsudin. (2017). Kebergantungan Media Sosial Terhadap Isu Arab Spring Dalam Kalangan Khalayak di Malaysia. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication, Jilid 33(1)2017*: 423-437. Diakses dari <http://journalarticle.ukm.my/10559/1/16974-49273-1-PB.pdf>
- Fishel, H. (2016). *Looking Back; Who Won the Tet Offensive?*. Diakses dari <https://www.warhistoryonline.com/featured/won-tet-offensive.html>
- Francis Loh Kok Wah & Khoo Boo Teik. (2002). *Democracy in Malaysia: Discourses and Practices*. Richmond, Surrey, UK: Curzon Press, Nordic Institute of Asian Studies
- Free Malaysia Today. (2014). *UM poll: Voters want Anwar as MB*. Diakses dari <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/02/20/um-survey-59-want-anwar-as-mb/>
- Free Malaysia Today. (2015). *Najib declares war against Red Bean Army*. Diakses dari <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2015/08/08/najib-declares-war-against-red-bean-army-online/>

- Fukuyama, F. (2014). *Political Order and Political Decay: From The Industrial Revolution to the Globalization of Democracy*. New York, U.S.: Farrar, Strauss and Giroux (fsgbooks.com),
- Furlong, A. & Cartmel, F. (2007). *Young People and Social Change (New Perspectives)*(2nd ed.). Berkshire, England: Open University Press, McGraw-Hill Education.
- Gan, S., Gomez, J. & Johannen, U. (2004). *Asian Cyberactivism: Freedom of Expression and Media Censorship*. University of Hong Kong, Hong Kong: Friedrich Naumann Foundation in Association with Journalism and Media Studies Center.
- Gettell, R. G. (1913). Nature and Scope of Present Political Theory, Proceedings of the American Political Science Association. *American Political Science Association Tenth Annual Meeting, 10*, pp. 47-60.
- Ghonim, W. (2016). *Presentation Paper: "Let's design social media that drives real change"*. TedGlobal Program, Geneva, Switzerland.
- Gibbins, J. R. (1989). *Contemporary Political Culture: Politics in a Postmodern Age*. London, UK: SAGE
- Goforth, C. (2015). *Using and Interpreting Cronbach's Alpha*. Diakses dari data.library.virginia.edu/using-and-interpreting-cronbachs-alpha/
- Google Trends. (2016). Diakses dari <https://www.google.com/trends/>
- Hulley, S.B., Cummings, S.R., Browner, W.S., Grady, D.G., & Newman, T.B. (2013). *Designing Clinical Research*. (4th ed.). Philadelphia: Lippincott Williams & Wilkins
- Grigsby, E. (2009). *Analyzing Politics: An Introduction To Political Science* (4th ed.). California, USA: Wadsworth, Cengage Learning Inc.
- Hafni Zuhairi Bin Mat Husin & Muhamad Najmi Bin Kamarudin. (2015). *Peranan media sosial dan blog semasa Pilihan Raya*. [Kertas kajian PRU 12 dan PRU 13]. Universiti Malaya
- Hitler, A. (2011). *Mein Kampf*. Kuala Lumpur, Malaysia: YLP Publication.
- Ho, Chooi Peng. (2013). *Research Methodology Manual*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2017). *Laman Web Rasmi*. Diakses dari <https://www.ippbm.gov.my/index.php/ms/>

- Israel, G. D. (2013). *Determining Sample Size*. Diakses dari https://edis.ifas.ufl.edu/pd006#FOOTNOTE_2
- Jabatan Penerangan. (n.d.). *Kontrak Sosial*. Diakses dari <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/penafian/1224-kontrak-sosial.html>
- Johan Saravanamuttu & Francis Loh Kok Wah. (2006). *Political Culture in Malaysia: Contesting Developmentalism in a Multi-Ethnic Society*. Proceedings of 20th IPSA World Congress, Fukuoka, Japan
- Jun E Tan & Zawawi Ibrahim. (2008). *Blogging and Democratization in Malaysia: A New Civil Society in the Making*. Petaling Jaya, Selangor: Strategic Information and Research Development Centre,
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof. (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'tsunami politik bandar'. *Malaysian Journal of Society and Space* 10 (28 - 38). Diakses dari <http://www.ukm.my/geografia/images/upload/3a.paper-junaidi.pdf>
- K. Ramanathan. (2003). *Asas Sains Politik* (Edisi Ketiga). Selangor, Malaysia: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Kaplan, A. M. & Haenlein, M. (2009). Users of the world, unite! The challenges and opportunities of Social Media. *Business Horizons* (2010) 53(59-68). Diakses dari <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.462.9491&rep=rep1&type=pdf>
- Kavanagh, D. (1976). *Political Culture*. London and Basingstoke: The MacMillan Press Ltd.
- Kementerian Kewangan. (2014). *Laporan Ekonomi 2014/2015*. Diakses dari <http://www.treasury.gov.my/pdf/ekonomi/le/1415/bab4.pdf>
- Kenneth Lee Tze Wui. (2013). *Social Media Uses And Gratifications Among Young Adults In Klang Valley, Malaysia* (Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia)
- KiniTv. (2014, April 27). *Guan Eng: DAP akan 'tentang' hudud PAS di Parlimen*. Diakses dari <https://www.youtube.com/watch?v=BScwmFE-ih0>
- Kluver, R., Jankowski, N. W., Foot, Kirsten M. & Schneider, S. M. (2007). *The Internet and National Elections: A Comparative Study of Web Campaigning*. London & New York: Routledge, Taylor and Francis Group
- Kourvetaris, G. A. (1997). *Political Sociology: Structure and Process*. Northern Illinois Univeristy, USA: Allyn and Bacon

- Lane, Jan-Erik. & Wagschal, U. (2012). *Culture And Politics*. New York, USA: Routledge
- Leong, S. (2014). *New Media And The Nation In Malaysia: Malaysianet, Routledge Contemporary Southeast Asia Series*. London & New York: Routledge, Taylor and Francis Group
- Lewis, J., Inthorn, S. & Wahl-Jorgensen, K. (2005). *Citizens or customers: what the media tells us about political participation*. Berkshire, England: Open University Press, McGraw-Hill
- Lifvergren, M. (2011). *International Political Communication MS7034, Assessment 7*. Diakses dari <http://marius.lifvergren.eu/img/ms7034.pdf>
- Lund Research Ltd. (2013). *Multiple Regression Analysis using SPSS Statistics*. Diakses dari <https://statistics.laerd.com/spss-tutorials/multiple-regression-using-spss-statistics.php>
- Magstadt, T. M. (2006). *Understanding Politics: Ideas, Institutions and Issues* (7th ed.). Belmont, California, USA: Thomson Wadsworth
- Magstadt, T. M. (2009). *Understanding Politics: Ideas, Institutions and Issues* (10th ed.). Belmont, California, USA: Wadsworth CENGAGE Learning
- Malaysia Asia. (2015). *Malaysia Social Media Statistics 2014*. Diakses dari <http://blog.malaysia-asia.my/2015/03/malaysia-social-media-statistics-2014.html>
- MalaysiaKini. (2011). *K'jaan mansuhkan ISA dan Akta Buang Negeri*. Diakses dari <https://m.malaysiakini.com/news/175950>
- Mesch, G. S. & Talmud, I. (2010). *Wired Youth: The Social World of Adolescence in the Information Age*. New York, USA: Routledge (Taylor & Francis Group LLC).
- Middle Tennessee State University. (n.d.). *Multiple Correlation Coefficient*. Diakses dari <http://mtweb.mtsu.edu/stats/regression/level3/multicorrel/multicorrcoef.htm>
- Milne, R.S. & Mauzy, D. K. (1992). *Politik dan Kerajaan di Malaysia*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia
- Mohd Ali Hassan. (2016). *Negotiation Skills* [nota syarahan]. Putra Sarjana School of Graduate Studies, Universiti Putra Malaysia

- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2010). *Freedom of Political Speech and Social Responsibility in Malaysia*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Novel Lyndon & Mohd Faidz Mohd Zain. (2014). 'Realignment' pengundi Cina dalam PRU ke-13, 2013. *Malaysian Journal of Society and Space* 10 (54 - 64). Diakses dari <http://www.ukm.my/geografia/images/upload/5a.paper-modhfuad.pdf>
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Novel Lyndon. (2012). Akses kepada internet dan kesannya terhadap partisipasi politik penduduk di Negeri Johor. *Journal of Society and Space* 8 issue 6 (76 - 89). Diakses dari <http://www.ukm.my/geografia/images/upload/8.geografia-sept%202012-abstrak-fuad%20et%20all-si-ppspp-ed%20kat3.pdf>
- Mohd Hariszuan Jaharudin. (2014). Pilihan Raya Umum Ke-13: Perubahan Budaya Politik Malaysia Dan Krisis Legitimasi Moral Barisan Nasional. *Kajian Malaysia*, Vol. 32(2). 149-169. Diakses dari [http://web.usm.my/km/32\(Supp.2\)2014/KM%2032%20Supp.%202_2014-Art.%206%20\(149-169\).pdf](http://web.usm.my/km/32(Supp.2)2014/KM%2032%20Supp.%202_2014-Art.%206%20(149-169).pdf)
- Monash University. (n.d.). *Social media and the future of Malaysian democracy*. Diakses dari <http://www.monash.edu.my/research/researchers-say/social-media-and-the-future-of-malaysian-democracy>
- Mstar. (2016). *Laporan PAC Dapati PM Tidak Terlibat Secara Langsung Isu 1MDB*. Diakses dari <http://www.mstar.com.my/berita/beritasemasa/2016/04/07/laporan-pac-pm-tak-ada-kena-mengena/#Gz4FSSw87ScmDEkO.99>
- Mstar. (2016). *Kronologi Cubaan Rampasan Kuasa Di Turki*. Diakses dari <http://www.mstar.com.my/berita/berita-dunia/2016/07/16/kronologi-rampasan-kuasa-turki/>
- Muhammad Hazim Abdul Ghani, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2016). Isu dasar kerajaan dalam politik pengundi pasca Pilihan Raya: Kajian kes DUN Teratai, Pandan, Selangor Darul Ehsan. *Malaysian Journal of Society and Space* 12(4), 34-45. Diakses dari <http://www.ukm.my/geografia/images/upload/4x.abstrak-geografia-mac16-hasim-edam.pdf>
- Muir, Ramsay. (1923). *Politics and Progress: A Survey of The Problems of Today*. New York, USA: Methuen & Co. Ltd, Routledge
- Nielsen, J. (2006). *The 90-9-1 Rule for Participation Inequality in Social Media and Online Communities*. Diakses dari <http://www.nngroup.com/articles/participation-inequality/>

- Nobaya Ahmad. (2015). *FEM5001* [nota syarahan]. Universiti Putra Malaysia
- Noraini Idris. (1957). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Malaysia: McGraw-Hill Education Sdn. Bhd.
- Normah Mustaffa, Wan Amizah Wan Mahmud, Fauziah Ahmad, Maizatul Haizan Mahbob & Mohd. Helmi Abd. Rahim. (2013). Kebergantungan internet dan aktiviti online remaja di lembah kelang. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication, Jilid 29*(1) 2013: 199-212. Diakses dari http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf_files/2013/V29_1_199-212.pdf
- Norshuhada Shiratuddin, Mohd Azizuddin Mohd Sani, Shahizan Hassan, Mohd Khairie Ahmad, Kartini Aboo Talib @ Khalid & Noor Sulastry Yurni Ahmad. (2016). Generation y's political participation and social media in Malaysia. *Malaysian Journal of Communication, Jilid 32*(1) 2016, 125-143. Diakses dari <http://journalarticle.ukm.my/10474/1/14738-40621-1-SM.pdf>
- Nur Ayuni Mohd Isa. (2013). *Pengaruh Kefahaman, Persepsi dan Penyertaan Belia dalam Gagasan 1Malaysia ke atas Hubungan Etnik* (Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia).
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod* (Cetakan Ketiga). Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia,
- Othman Talib. (2014). *Research and Thesis: If Only I Had Known*. Bangi, Selangor: MPWS Rich Resources.
- Oxford Online. (n.d.). *Definition of Influence*. Diakses dari <http://www.oxforddictionaries.com/definition/english/influence>)
- Parvin, P. & Chambers, C. (2012). *Political Philosophy, A complete Introduction*. Great Britain: Hodder & Stoughton
- Prisma. (2014). *Aktivisme Politik Media Sosial*. Diakses dari http://www.portalprisma.com/index.php?option=com_k2&view=item&id=339:aktivisme-politik-media-sosial&Itemid=1024
- Quattrociocchi, W. (2016). *How does misinformation spread online?*. Diakses dari http://www.weforum.org/agenda/2016/01/q-a-walter-quattrociocchi-digital-wildfires?utm_content=buffer30fc3&utm_medium=social&utm_source=facebook.com&utm_campaign=buffer

- Rafizi Ramli. (2014). *The Kajang Move: Game Changer In Putrajaya Quest*. Diakses dari <http://rafiziramli.com/2014/01/the-kajang-move-game-changer-in-putrajaya-quest/>
- Rea, L. M. & Parker, R. A. (2005). *Designing and Conducting Survey Research: A Comprehensive Guide* (3rd ed.). San Francisco, USA: Jossey-Bass, A Wiley Imprint,
- Riemer, N., Simon, D. W. & Romance, J. (2014). *The Challenge of Politics: An Introduction to Political Science* (4th ed.). Washington, USA: SAGE Publications Inc.
- RocketKini. (2017). *Prinsip sekular Perlembagaan Persekutuan jadi pegangan DAP*. Diakses dari <https://www.rocketkini.com/2017/05/16/prinsip-sekular-dalam-perlembagaan-persekutuan-jadi-pegangan-dap/>
- Roskin, M. G., Cord, R. L., Medeiros, J. A. & Jones, W. S. (2008), *Political Science: An Introduction* (10th ed.). New York, USA: Pearson Prentice Hall
- Rush, M. & Althoff, P. (1971). *An Introduction to Political Sociology*. London, UK: Nelson Political Science Series, Thomas Nelson and Sons Ltd
- Schoen, D. E. (2007). *The Power Of The Vote: Electing Presidents, Overthrowing Dictators and Promoting Democracy Around The World*. New York, USA: HarperCollins Publishers
- Shively, W. P. (1999). *Power & Choice: An Introduction To Political Science* (6th ed.). United States of America: The McGraw-Hill Companies
- Shuriye, A. O. (2002). *Introduction To Political Science: Islamic and Western Perspectives*. Selangor, Malaysia: Ilmiah Publishers
- Sinar Harian. (2013). *Mahathir: PRU13 bukti 'tsunami Cina, Melayu tamak*. Diakses dari <http://www.sinarharian.com.my/politik/mahathir-pru13-bukti-tsunami-cina-melayu-tamak-1.157945>
- Singapore Straits Times. (2013). *Evolving Malaysian Political Culture*. Diakses dari www.thestar.com.my/opinion/letters/2013/04/05/evolving-malaysian-political-culture/
- Siong, T. Y. (2004). *Malaysiakini: Treading A Tightrope of Political Pressure And Market Factors*. Friedrich Naumann Foundation/Journalism And Media Studies Centre
- Sirkin, R. M. (2006). *Statistic for the Social Sciences* (3rd ed.). Dayton, USA: Wright State University by SAGE Publication.

- Siti Rohana Omar, Norun Najjah Ah mat, Nor Fazilah Abdul Hamid & Zanariah Jano. (2008). *Sosialisasi Politik Pasca Pilihan Raya Ke-12, Mac 2008*. Di dalam Worran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline (Eds.), *Prosiding: Seminar Politik Malaysia*. Shah Alam, Malaysia: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2015). *Hand phone users survey 2014*. Diakses dari <http://www.skmm.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/MCMC-Hand-Phone-User19112015.pdf>
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2015). *Pocket Book of Statistics Q2 2015*. Diakses dari [http://www.skmm.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/CM-Q2-2015-BI-\(pdf\).pdf](http://www.skmm.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/CM-Q2-2015-BI-(pdf).pdf)
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2016). *Isu Banglo: SPRM Tahan Lim Guan Eng Dan Phang Li Khoo*. Diakses dari <http://www.sprm.gov.my/index.php/arkib-kenyataan-media/1678-isu-banglo-sprm-tahan-lim-guan-eng-dan-phang-li-khoon>
- Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia. (2015). *Keputusan Pilihanraya Dewan Undangan Negeri (Bahagian Pilihanraya Negeri) Kajang, Selangor 1959-86 dan 2004-2014*. Putrajaya
- Suruhanjaya Pilihanraya. (2015). *Laporan keputusan pilihanraya (scoresheet) Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia bagi DUN Kajang (1959-1985), (2004-2008) dan PRK 2014*. Putrajaya
- Syed Ahmad Hussein. (2006). *Pengantar Sains Politik*. Universiti Sains Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Pendidikan Jarak Jauh
- Tam, M. (2013). *Social media in Malaysia*. Diakses dari <http://www.thestar.com.my/news/nation/2013/06/04/social-media-in-malaysia/>
- Tengku Mohd Azzman Shariffadeen. (2000). *The Changing World: ICT and Governance*. National Technology Council (NITC), MIMOS Berhad
- The Guardian. (2016). *Turkish dismissals are more like a purge*. Diakses dari <https://www.theguardian.com/world/2016/jul/24/turkish-dismissals-are-more-like-a-purge>
- The Malay Mail Online. (2014). *In Pakatan stronghold, BN braces for battle with 'Goliath'*. Diakses dari <http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/in-pakatan-stronghold-bn-braces-for-battle-with-goliath>

- The Malay Mail. (2014). *Utusan: Inaction against DAP, 'Red Bean Army' shows authorities 'strengthening' extremists*. Diakses dari <http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/utusan-inaction-against-dap-red-bean-army-shows-authorities-strengthening-e>
- The Malay Mail. (2016). *What BR1M did for Malaysians and the economy*. Diakses dari <http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/what-br1m-did-for-malaysians-and-the-economy#OkDMbE2IkXfOLpCs.99>
- The Star. (2009). *Najib promises a transparent and accountable Government*. Diakses dari <http://www.thestar.com.my/story/?file=%2f2009%2f4%2f10%2fnation%2f3673283&sec=nation>
- The Star. (2013). *PM: GE13 will be Malaysia's 1st 'social media election'*. Diakses dari <http://www.thestar.com.my/news/nation/2013/02/27/pm-ge13-will-be-malaysias-1st-social-media-election/>
- University of Kentucky. (n.d.). *Agenda Setting Theory*. Diakses dari <http://www.uky.edu/~drlane/capstone/mass/agenda.htm>
- University of Kentucky. (n.d.). *Media Dependency Theory*. Diakses dari <http://www.uky.edu/~drlane/capstone/mass/dependency.htm>
- Utusan. (2004). *Mahkamah bebaskan Anwar -- Panel hakim ketepikan hukuman penjara sembilan tahun dengan majoriti 2-1*. Diakses dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0903&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm#ixzz3qt075xbH
- Utusan. (2009). *Najib angkat sumpah hari ini*. Diakses dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?dt=0403&pg=mh_02.htm&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&y=2009
- Utusan. (2013). *Krisis air di Selangor: Fakta sebenar*. Diakses dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130119/dn_07/Krisis-air-di-Selangor:-Fakta-sebenar
- Vijay Kumar Mallan. (2016). *Managing the Research Journey* [nota syarahan]. Putra Sarjana School of Graduate Studies, Universiti Putra Malaysia
- Vishwanath Prasad Varma. (1969). Political Philosophy in the Modern Age. *The Indian Journal of Political Science* 30(1), 1-21. Indian Political Science Association
- Weakliem, D. L. (2003). Public Opinion Research and Political Sociology. *Political Sociology for the 21st Century, Research in Political Sociology, Volume 12* (49-80). Elsevier Science Ltd. ISSN: 0895-9935

Weiss, M. L. (2012). *Politics in Cyberspace: New Media in Malaysia*. Germany: Fesmedia Asia Series, Friedrich Ebert Stiftung

Wikipedia. (n.d.). *List of Malaysian State Assembly Representatives (1990–1995)*. Diakses dari [https://en.wikipedia.org/wiki/List_of_Malaysian_State_Assembly_Representatives_\(1990%E2%80%931995\)](https://en.wikipedia.org/wiki/List_of_Malaysian_State_Assembly_Representatives_(1990%E2%80%931995))

Wikipedia. (n.d.). *List of Malaysian State Assembly Representatives (1995–99)*. Diakses dari [https://en.wikipedia.org/wiki/List_of_Malaysian_State_Assembly_Representatives_\(1995%E2%80%931999\)](https://en.wikipedia.org/wiki/List_of_Malaysian_State_Assembly_Representatives_(1995%E2%80%931999))

Wikipedia. (n.d.). *List of Malaysian State Assembly Representatives (1999–2004)*. Diakses dari [https://en.wikipedia.org/wiki/List_of_Malaysian_State_Assembly_Representatives_\(1999%E2%80%932004\)](https://en.wikipedia.org/wiki/List_of_Malaysian_State_Assembly_Representatives_(1999%E2%80%932004))

Winter, H. R. & Bellows, T. J. (1992). *Conflict and Compromise: an introduction to politics*. New York, USA: HarperCollins Publishers

Wolfsfield, G., Segev, E. & Sheaffer, T. (2013). Social Media and The Arab Spring: Politics Comes First. *The International Journal of Press/Politics* 18(2), 115-137. Diakses dari <http://journals.sagepub.com/doi/abs/10.1177/1940161212471716>

Wood, M. & Welch, C. (2010). Are ‘qualitative’ and ‘quantitative’ useful terms for describing research? *Methodological Innovations Online* (2010) 5(1), 56-71. Diakses dari https://researchportal.port.ac.uk/portal/files/50311/WOOD_QualQuantMio.pdf

Worran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. (2008). *Prosiding: seminar politik Malaysia, landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*. Universiti Teknologi Mara Sabah dan Institut Kualiti & Perkembangan Ilmu (InQKA): Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM

Wyse, S. E. (2011). *What is the Difference between Qualitative Research and Quantitative Research?* Diakses dari <http://www.snapsurveys.com/blog/what-is-the-difference-between-qualitative-research-and-quantitative-research/>

Z. Azmi. (2001). *Wanita Melayu Dan Politik Malaysia*. Diakses dari <http://studentsrepo.um.edu.my/602/5/BAB4.pdf>

*n.d. = No date / Tiada tarikh khusus